


Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Ahad Prapaska Ke-2

HARAPAN: PERCAYA HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN:
**SOLIDARITAS DALAM
 KEPELBAGAIAN**



**Apakah
 Pengorbanan
 Anda?**

Transfigurasi Yesus jelas dipersembahkan untuk semua orang – menunjukkan rancangan Tuhan untuk menabalkan kewibawaan dan pemerintahan Putra tunggal-Nya. Bahkan nabi-nabi mulia seperti Musa dan Elia juga disaman untuk memainkan peranan mereka dalam upacara agung yang diatur ini untuk memberi penghormatan kepada Yesus. Cuba bandingkan ini dengan pengorbanan yang diminta daripada Abraham terhadap satu-satu anaknya. Sememangnya, ini adalah satu gunung yang paling sukar didaki oleh Abraham, mengetahui bahawa dia bakal menurungnya seorangan.



AYAT KITAB SUCI
 MINGGU INI:

"Jika Tuhan di
 pihak kita,
 siapakah yang
 akan melawan
 kita?"

(Roma 8, 31)

Hatinya pasti berasa berat, terpukul, lebam dan parah. Dan kita mengetahui apa yang berlaku seterusnya. Mengetahui kesetiaan Abraham, Tuhan mengarah Abraham supaya menghentikan tangan yang bakal membunuh anaknya. Namun, Bapa tidak melakukan sedemikian dengan Putra Tunggal-Nya.

Tuhan membenarkan Anak-Nya ditinggal, dihakim, disiksa dan didera. Inilah yang menjadikan Transfigurasi itu teristimewa - bahawa Tuhan, Bapa sendiri memuliakan AnakNya, AnakNya yang teristimewa yang bakal disalibkan. Di tengah para nabi Musa dan Elia, terdiri Yesus yang paling berhak untuk menerima pemujaan mereka. Ironinya, Anak Ilahi yang dipuji oleh Bapa, juga dipersembahkan sebagai pengorbanan untuk keselamatan semua manusia sejagat. **Anak Domba yang telah disembelih adalah pada masa yang sama Pengarang kehidupan!**

Santo Paulus menerangkannya dalam perspektif di Roma 8:32: "Ia, yang tidak menyayangkan Anak-Nya sendiri, tetapi yang menyerahkan-Nya bagi kita semua." Tuhan melakukan sedemikian untuk anda dan saya. Kini, kita terpanggil untuk memberi pengorbanan diri untuk Dia, Tuhan dan Tuan kita. Apakah dan bagaimanakah kita memberi pengorbanan kepadaNya? Kita melakukannya apabila kita melihatNya di muka orang-orang miskin dan membalas tangisan mereka dan mencontohi dan memberi kasih sayangNya kepada orang lain ketika kita berjuang menghadapi cabaran seharian. Kita melakukan sedemikian dan kekal teguh dalam keimanan, walaupun kita berasa sedih dan tidak puas hati. Ini adalah sedikit hadiah pengorbanan kita kepada Yesus yang telah mengalami transfigurasi, yang memberikan seluruh kehidupannya melayani semua: "Untuk sedemikian Saya datang, untuk memberi anda kehidupan, dan kehidupan yang sepenuhnya!" ✦

AYAT SUCI
 MINGGU INI

Kejadian 22, 1-2.
 9. 10-13. 15-18;

Mazmur 115, 10.
 15 -19;

Roma 8, 31-34;

Markus 9, 2-10.